

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

CETAKAN SEMULA

## Akta 7

### AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHKAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
**2006**

2

## **AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969**

Tarikh Perkenan Diraja ... ... ... ... 22 April 1969

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... ... ... 1 Mei 1969

### *CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... ... ... 1992

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... ... ... 1999



DISEDIAKAN UNTUK PENERBITAN OLEH  
MALAYAN LAW JOURNAL SDN BHD  
DAN DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN KUALA LUMPUR  
2006



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 7**

#### **AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969**

##### **SUSUNAN SEKSYEN**






###### **Seksyen**

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran
3. Pelantikan pegawai
4. Menteri boleh menyifatkan atau mengisyiharkan butir-butir lain sebagai butir-butir boleh daftar
5. Fungsi pegawai merekod
6. Fungsi pegawai pengesahan
7. Hendaklah disimpan daftar mengenai butir-butir boleh daftar
8. Keengganan menandatangani borang cap jari adalah suatu kesalahan
9. Pemulangan borang cap jari atas pembebasan, dsb.
10. Bukti mengenai cap jari dan sabitan yang dahulu
11. Bukti mengenai sabitan dahulu yang di luar Persekutuan
12. Ketua Polis Negara boleh mengecualikan perkara yang tertentu daripada peruntukan Akta ini
13. Menteri boleh memerintahkan penghapusan butir-butir mengenai orang dibuang negeri, dsb.
14. Peraturan-peraturan
15. Jadual dan borang
16. Pemansuhan dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA



## **UNDANG-UNDANG MALAYSIA**

### **Akta 7**

#### **AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969**

Suatu Akta bagi menyatukan dan meminda undang-undang yang mengadakan peruntukan bagi pendaftaran penjenayah, orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri dan orang terhad tertentu dan bagi maksud lain yang bersangkutan dengannya.

[*Seluruh Malaysia—2 Mei 1969*]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan pemakaian**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang yang Tidak Diingini 1969.  
(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—  
“pegawai pengesahan” ertinya—

- (a) pegawai pendakwa yang bertanggungjawab bagi mengesahkan keputusan sesuatu kes apabila tamatnya kes itu jika seseorang itu dipertuduh dengan suatu kesalahan boleh daftar;
- (b) pegawai polis yang bertanggungjawab bagi langkah akhir pembuangan bagi orang dibuang negeri keluar dari Persekutuan dan bagi mengesahkan pembuangan negeri itu;

- (c) pegawai polis yang bertanggungjawab bagi menyampaikan perintah pengenyahan kepada orang dinyah dan bagi mengesahkan pengenyahan itu;
- (d) pegawai imigresen atau pegawai polis yang bertanggungjawab bagi langkah akhir pengusiran orang diusir dari Persekutuan atau dari mana-mana Negeri dalam Persekutuan dan bagi mengesahkan pengusiran itu; atau
- (e) berhubung dengan seseorang yang telah dijatuhi hukuman pemenjaraan bagi sesuatu tempoh kerana suatu kesalahan boleh daftar, mana-mana pegawai penjara (mengikut pengertian mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan berhubung dengan penjara) yang bertanggungjawab bagi mengesahkan pemenjaraan itu;

“mengesahkan” ertiannya melaksana fungsi seorang pegawai pengesahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta ini;

“orang dibuang negeri” ertiannya sesiapa jua yang diperintahkan supaya dibuang negeri dari Persekutuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan pembuangan negeri;

“orang diusir” ertiannya sesiapa jua yang diperintahkan supaya diusir dari Persekutuan atau dari mana-mana Negeri dalam Persekutuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan imigresen;

“orang dinyah negeri” ertiannya sesiapa jua yang diperintahkan supaya dinyahkan dari Persekutuan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan pembuangan negeri;

“cap jari” termasuklah cap ibu jari tangan, cap tangan dan cap ibu jari kaki;

“borang cap jari” ertiannya apa jua borang yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara menurut seksyen 15 bagi maksud merekodkan atau mengesahkan cap jari dan butir-butir boleh daftar yang lain;

“pegawai merekod” ertianya—

- (a) seorang pegawai polis;
- (b) seorang pegawai kastam atau eksais yang hak (mengikut pengertian mana-mana undang-undang

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

7

bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan kastam dan eksais) yang fungsinya adalah untuk mencegah atau mendakwa apa-apa kesalahan boleh daftar di bawah undang-undang itu;

- (c) seorang pegawai penjara (mengikut pengertian mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan penjara) selain seorang pegawai penjara yang juga seorang pegawai pengesahan; atau
- (d) seorang pegawai imigresen yang fungsinya adalah untuk mencegah atau mendakwa apa-apa kesalahan boleh daftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan imigresen;

“daftar” ertiannya daftar yang disimpan dan disenggarakan di bawah seksyen 7;

“Pendaftar” ertiannya—

- (a) Pendaftar Penjenayah; dan
- (b) mana-mana orang atau pegawai lain yang dilantik di bawah seksyen 3;

“kesalahan boleh daftar” ertiannya apa-apa kesalahan yang boleh didaftarkan di bawah Akta ini sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan Kedua;

“butir-butir boleh daftar” ertiannya—

- (a) butir-butir mengenai apa-apa sabitan atau hukuman berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar;
- (b) butir-butir mengenai apa-apa perintah yang berhubungan dengan orang dibuang negeri, orang dinyah negeri, orang diusir atau orang terhad;
- (c) nama, perihalan, gambar foto dan cap jari atau pengelasan cap jari bagi mana-mana orang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan boleh daftar, atau bagi mana-mana orang dibuang negeri, orang dinyah negeri, orang diusir atau orang terhad;
- (d) butir-butir yang disifatkan oleh Menteri sebagai butir-butir boleh daftar di bawah perenggan 4(1)(a);

- (e) butir-butir yang boleh diisyiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* sebagai butir-butir boleh daftar di bawah perenggan 4(1)(b); atau
- (f) butir-butir mengenai mana-mana orang yang telah diambil dan direkodkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang dimansuhkan di bawah Akta ini;

“orang terhad” ertinya sesiapa jua yang diperintahkan supaya diletakkan di bawah kediaman terhad di bawah mana-mana undang-undang bertulis dalam Persekutuan yang berhubungan dengan kediaman terhad.

### **Pelantikan pegawai**

**3.** Yang di-Pertuan Agong boleh melantik melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta* bagi maksud Akta ini—

- (a) seorang Pendaftar Penjenayah bagi Persekutuan;
- (b) Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar Penjenayah bagi Persekutuan atau bagi mana-mana bahagian Persekutuan; dan
- (c) mana-mana pegawai lain bagi Persekutuan atau bagi mana-mana bahagian Persekutuan untuk menjalankan mana-mana atau semua fungsi Pendaftar.

### **Menteri boleh menyifatkan atau mengisyiharkan butir-butir lain sebagai butir-butir boleh daftar**

**4.** (1) Menteri boleh dari semasa ke semasa dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) menyifatkan bagi maksud Akta ini butir-butir (yang dikemukakan kepada Pendaftar) mengenai orang yang disabitkan atas apa-apa kesalahan (sama ada suatu kesalahan boleh daftar di bawah Akta ini atau selainnya) di dalam mana-mana negara atau butir-butir mengenai orang yang dibuang negeri, dinyahkan atau diusir dari mana-mana negara atau dari mana-mana bahagian sesuatu negara di luar Persekutuan sebagai butir-butir boleh daftar; atau

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

9

- (b) mengisyiharkan bagi maksud Akta ini mana-mana butir (selain butir-butir boleh daftar yang diperihalkan dalam perenggan (a) hingga (d) dalam takrif “butir-butir boleh daftar”) sebagai butir-butir boleh daftar.

(2) Perintah yang dibuat di bawah perenggan (1)(a) mungkin secara am berkenaan dengan apa-apa butir atau kesalahan atau mungkin secara khas berkenaan dengan mana-mana negara atau mana-mana bahagian sesuatu negara atau berkenaan dengan orang perseorangan, suatu golongan orang perseorangan yang tertentu atau berkenaan dengan apa-apa kesalahan.

### **Fungsi pegawai merekod**

5. Pegawai merekod yang menjaga sesuatu kes hendaklah mengambil atau menyebabkan supaya diambil dan direkodkan cap jari, gambar foto dan butir-butir boleh daftar yang lain dalam borang cap jari mengenai mana-mana orang (selain butir-butir mengenai apa-apa sabitan, hukuman atau perintah lain mahkamah berkenaan dengan sesuatu kesalahan boleh daftar manakala tamatnya kes itu)—

- (a) apabila seseorang itu ditangkap kerana sesuatu kesalahan boleh daftar; atau
- (b)
  - (i) apabila seseorang itu disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar melainkan jika butir-butir boleh daftarnya itu telahpun diambil di bawah perenggan (a); dan
  - (ii) apabila seseorang itu, selain disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar, dihukum dengan pemenjaraan selama sesuatu tempoh;
- (c) apabila seseorang itu tidak ditangkap tetapi disaman supaya hadir dalam mahkamah atas pertuduhan mengenai suatu kesalahan boleh daftar dan apabila dia kemudiannya disabitkan, atau didapati bersalah tanpa direkodkan sabitan itu di bawah mana-mana perintah mahkamah dengan menghendaki tertuduh mengikat jamin supaya berkelakuan baik, dengan meletakkan tertuduh di bawah percubaan atau meletakkan tertuduh di bawah mana-mana perintah seumpama itu yang lain yang dibuat oleh Mahkamah yang mendapati tertuduh itu melakukan suatu

kesalahan boleh daftar (tetapi mengecualikannya daripada suatu perintah sabitan) kecuali jika seseorang itu cuma ditegur atau diberi amaran atau dilepaskan; atau

- (d) apabila seseorang orang dibuang negeri, dinyah negeri, diusir atau orang terhad dibuang negeri, dinyahkan atau diusir atau diletakkan di bawah suatu perintah kediaman terhad mengikut kehendak keadaan,

dan hendaklah mengemukakan borang cap jari itu kepada Pendaftar dan Pendaftar itu hendaklah (tertakluk kepada Akta ini) menyimpan borang itu.

### **Fungsi pegawai pengesahan**

**6.** Seorang pegawai pengesahan hendaklah mengesahkan borang cap jari—

- (a) manakala tamatnya kes itu jika seseorang —
  - (i) dibebaskan dan dilepaskan daripada suatu kesalahan boleh daftar;
  - (ii) didapati melakukan suatu kesalahan boleh daftar tanpa direkodkan sabitan itu di bawah mana-mana perintah mahkamah dengan menghendaki tertuduh mengikat jamin supaya berkelakuan baik, dengan meletakkan tertuduh di bawah percubaan atau meletakkan tertuduh di bawah mana-mana perintah seumpama itu yang lain yang dibuat oleh mahkamah yang mendapati tertuduh itu melakukan suatu kesalahan boleh daftar tetapi mengecualikannya daripada suatu perintah sabitan; atau
  - (iii) disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar;
- (b) apabila seseorang orang dibuang negeri itu pada kesudahannya dibawa keluar dari Persekutuan;
- (c) apabila suatu perintah pengenyahan disampaikan kepada seorang orang dinyah negeri;

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

11

- (d) apabila seseorang orang diusir pada kesudahannya dibawa keluar dari Persekutuan; atau
- (e) apabila seseorang orang terhad diletakkan di bawah kediaman terhad,

dan hendaklah mengemukakan borang yang telah disahkan dengan sewajarnya itu kepada Pendaftar dan Pendaftar itu hendaklah (tertakluk kepada Akta ini) menyimpan borang itu.

**Hendaklah disimpan daftar mengenai butir-butir boleh daftar**

7. (1) Tertakluk kepada seksyen 12, Pendaftar hendaklah menyimpan dan menyenggarakan—

- (a) suatu daftar yang mengandungi butir-butir boleh daftar yang berhubungan dengan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di Ibu Kota;
- (b) suatu daftar yang mengandungi butir-butir boleh daftar yang berhubungan dengan Sabah di Sabah; dan
- (c) suatu daftar yang mengandungi butir-butir boleh daftar yang berhubungan dengan Sarawak di Sarawak.

(2) Pendaftar boleh menyimpan dan menyenggarakan suatu daftar yang mengandungi butir-butir boleh daftar yang berhubungan dengan mana-mana negara di luar Persekutuan yang suatu perintah mengenainya telah dibuat menurut seksyen 4 jika butir-butir boleh daftar itu dikemukakan kepadanya oleh Kerajaan negara itu.

**Keengganan menandatangani borang cap jari adalah suatu kesalahan**

8. (1) Tiap-tiap orang yang butir-butir boleh daftar mengenainya diambil menurut seksyen 5 dan 6 hendaklah menandatangani borang cap jari atau jika orang itu tidak boleh menandatangani dia hendaklah menurunkan cap ibu jarinya dalam borang itu, dan borang itu hendaklah ditandatangani balas oleh pegawai merekod atau pegawai pengesahan mengikut kehendak keadaan itu.

(2) Tiap-tiap orang yang enggan supaya apa-apa butir boleh daftar mengenainya diambil atau enggan menandatangani borang cap jari atau menurunkan cap ibu jarinya dalam borang itu apabila

dikehendaki supaya berbuat demikian dengan sahnya oleh seorang pegawai merekod atau pegawai pengesahan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Seorang pegawai merekod atau pegawai pengesahan boleh menurut seksyen 5 dan 6 menggunakan kekerasan yang perlu atau munasabah.

**Pemulangan borang cap jari atas pembebasan, dsb.**

9. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam subseksyen (2) dan (3), Pendaftar atau pegawai polis, mengikut kehendak keadaan itu hendaklah—

- (a) jika seseorang dibebaskan dan dilepaskan daripada suatu kesalahan boleh daftar, dengan serta-merta menyerahkan borang cap jari, gambar fotonya dan negatif gambar foto itu kepada orang itu atas permohonannya; atau
- (b) jika seseorang itu didapati melakukan suatu kesalahan boleh daftar, tanpa direkodkan sabitannya, menyerahkan borang cap jari, gambar fotonya dan negatif gambar foto itu kepada orang itu atas permohonannya, apabila habis tempoh percubaan atau tempoh ikat jamin supaya berkelakuan baik atau apa-apa tempoh lain di bawah mana-mana perintah seumpama itu yang lain yang dibuat oleh mahkamah yang mendapat tertuduh itu melakukan suatu kesalahan boleh daftar (tetapi mengecualikannya daripada suatu perintah sabitan) melainkan jika tertuduh itu sekali lagi didapati melakukan suatu kesalahan boleh daftar dalam tempoh itu.

(2) Jika tiada apa-apa permohonan di bawah subseksyen (1) dibuat dalam tempoh tiga bulan dari tarikh pembebasan dan pelepasan atau habisnya tempoh yang disebut dalam subseksyen (1) Pendaftar hendaklah memusnahkan borang cap jari, gambar foto dan negatif gambar foto itu.

(3) Jika di bawah perenggan (1)(b) orang itu sekali lagi didapati melakukan suatu kesalahan boleh daftar dalam tempoh yang disebut dalam perenggan itu, maka Pendaftar hendaklah

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

13

bagi maksud Akta ini menyimpan borang cap jari itu dan merekodkan butir-butir boleh daftar mengenai orang itu (termasuklah butir-butir kedua-dua kesalahan itu) dalam daftar seolah-olah dia telah disabitkan bagi kedua-dua kesalahan itu walaupun Mahkamah mengecualikan perintah sabitan berkenaan dengan kesalahan yang kemudiannya itu.

(4) Tertakluk kepada seksyen 13, subseksyen (1) dan (2) tidaklah dipakai kepada mana-mana orang dibuang negeri, orang dinyah atau orang diusir.

**Bukti mengenai cap jari dan sabitan yang dahulu**

10. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2) tiap-tiap—

- (a) borang cap jari jika disahkan dengan sewajarnya oleh pegawai pengesahan;
- (b) perakuan, suratan atau cabutan (sama ada berhubung dengan cap jari atau selainnya) yang—
  - (i) berdasarkan catatan yang dicabut daripada daftar; dan
  - (ii) diperakui oleh Pendaftar sebagai dicabut sedemikian; atau
- (c) perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar bahawa—
  - (i) cap jari seseorang telah dibandingkan dengan cap jari yang lain yang diambil dahulunya atau kemudiannya; dan
  - (ii) cap jari yang telah dibandingkan itu ialah cap jari orang itu juga,

hendaklah diterima sebagai keterangan dalam mahkamah dan menjadi bukti yang cukup mengenai perkara yang diperihalkan dalamnya melainkan jika akasnya dibuktikan.

(2) Apabila apa-apa perakuan yang dirujuk dalam perenggan (1)(c) itu diterima sebagai keterangan dalam mahkamah, mahkamah atau tertuduh boleh menyaman Pendaftar sebagai seorang saksi dan jika tertuduh berbuat demikian dia hendaklah memberikan notis kepada Pendakwa Raya tidak kurang daripada sepuluh hari sebelum bermulanya perbicaraan itu.

**Bukti mengenai sabitan dahulu yang di luar Persekutuan**

**11.** (1) Suatu sabitan yang dahulu dalam sesuatu negara atau di dalam mana-mana bahagian sesuatu negara (yang mengenainya suatu perintah telah dibuat di bawah seksyen 4) di luar Persekutuan boleh dibuktikan dengan pengemukaan perakuan yang dibuat oleh seseorang pegawai yang berkuasa yang memperakui bahawa cap jari seseorang tertuduh telah dibandingkan dengan cap jari seseorang yang telah disabitkan dahulunya dan bahawa cap jari itu ialah cap jari orang itu juga.

(2) Bagi maksud seksyen ini “pegawai yang berkuasa” ertinya seseorang atau pihak berkuasa yang dibenarkan oleh kerajaan negara itu atau kerajaan mana-mana bahagian sesuatu negara untuk menyimpan dan menyenggarakan cap jari dan butir-butir lain yang disifatkan sebagai butir-butir boleh daftar menurut seksyen 4.

(3) Apa-apa perakuan yang dikeluarkan oleh pegawai yang berkuasa hendaklah, melainkan jika akasnya dibuktikan, menjadi keterangan mengenai semua perkara yang diperihalkan dalamnya termasuk tandatangan dan kuasa pegawai yang berkuasa itu.

**Ketua Polis Negara boleh mengecualikan perkara yang tertentu daripada peruntukan Akta ini**

**12.** (1) Ketua Polis Negara boleh mengarahkan supaya mana-mana orang selain seorang orang dibuang negeri, diusir, dinyah negeri atau orang terhad yang—

- (a) disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua;
- (b) apabila disabitkan telah dikenakan hukuman denda yang tidak melebihi seratus ringgit;
- (c) apabila disabitkan tidak dikenakan hukuman pemerjaraan selama sesuatu tempoh yang bukan hukuman pemerjaraan kerana tidak membayar denda; dan
- (d) sebelum ini tidak didaftarkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis Semenanjung Malaysia, Sabah atau Sarawak yang memerkatakan

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

15

pendaftaran penjenayah sebelum permulaan kuat  
kuasa Akta ini,

dikecualikan daripada peruntukan Akta ini.

(2) Pendaftar hendaklah, apabila arahan diberikan, menyimpan butir-butir boleh daftar mengenai orang yang telah disabitkan itu selama satu tahun mulai dari tarikh sabitan itu dan hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (3), memusnahkannya dengan serta-merta.

(3) Ketua Polis Negara boleh, menurut subseksyen (1), membatalkan arahan tersebut sebelum habis tempoh itu dan berikutan dengannya Pendaftar hendaklah merekodkan butir-butir boleh daftar mengenai orang yang disabitkan itu menurut seksyen 7 dan memaklumkan orang itu tentang pembatalan tersebut.

(4) Seksyen ini tidak dipakai kepada subseksyen 9(3).

(5) Sesiapa jua yang terkilan dengan pembatalan itu boleh merayu kepada Menteri dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh dimaklumkan tentang pembatalan itu.

**Menteri boleh memerintahkan penghapusan butir-butir  
mengenai orang dibuang negeri, dsb.**

**13.** Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* memerintahkan supaya dihapuskan butir-butir boleh daftar mengenai mana-mana orang dibuang negeri, dinyah negeri atau orang terhad (yang tidak disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar) apabila habis tempoh perintah pembuangan negeri atau pengenyahan itu atau selepasnya atau apabila perintah pembuangan negeri, pengenyahan atau kediaman terhad itu dibatalkan.

**Peraturan-peraturan**

**14.** Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menguatkuasakan maksud dan peruntukan Akta ini.

**Jadual dan borang**

**15. (1)** Menteri boleh dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta* meminda Jadual Pertama dan Kedua.

(2) Ketua Polis Negara boleh melalui pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan borang cap jari atau apa-apa borang lain yang disifatkannya suai manfaat bagi maksud Akta ini.

### **Pemansuhan dan peralihan**

**16.** (1) Undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Ketiga adalah termansuh dan undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual Ketiga setakat yang dinyatakan dalamnya sebagai dipinda adalah dengan ini dipinda dengan sewajarnya.

(2) Apa-apa pemansuhan tidaklah mengganggu keberterusan taraf, perjalanan atau kuat kuasa mana-mana kaedah, peraturan, perintah, kelulusan, arahan, borang, rekod, daftar, cap jari, gambar foto, perakuan, suratan atau butir-butir penjenayah, orang dibuang negeri, dinyaah negeri, diusir, terhad atau orang lain yang diambil, direkodkan, digunakan, dimasukkan, disimpan atau disenggarakan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

### **JADUAL PERTAMA**

[Seksyen 2]

#### **A. KESALAHAN BOLEH DAFTAR DI SABAH**

##### **BAHAGIAN I**

###### *Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab VI, kesemuanya ... ... ... ... ...	Terhadap Negara
Seksyen 131-136 ... ... ... ... ...	Yang berhubungan dengan Angkatan Tentera
Bab XII, kesemuanya ... ... ... ... ...	Yang berhubungan dengan Duit dan Setem

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

17

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Seksyen 302, 304A, 305-308, 312-317, 318, 363-373, 376-377B ... ... ... ... ... ...	Mengenai Tubuh Manusia
Seksyen 379-382, 384-389, 392-396, 399-404, 406-410A, 411-414, 417-424, 429-433, 435-440, 448-462 ...	Terhadap Harta
Seksyen 465-469, 471-477A, 489A-489D ... ...	Berhubungan dengan dokumen
Bab V, kesemuanya ... ... ... ... ...	Pensubahatan
Seksyen 120B ... ... ... ... ...	Komplot Jenayah

BAHAGIAN II

*Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Sabah*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Bab 91 ... ...	Candu dan Candu Mentah ... ...	Kesemua Kesalahan
Bab 77 ... ...	Cap Barang-Barang Perniagaan ...	9, 11
Bab 50 ... ...	Judi ... ... ... ...	4(1), 7(1)
Ord. 4 tahun 1959	Kanun Tatacara Jenayah ... ...	72, 73, 249
Bab 116...	Kereta Api ... ... ...	25, 26
Bab 80 ... ...	Kesalahan-Kesalahan Kecil ... ...	18, 21 dan 22A
Ord. 21 tahun 1961	Ketenteraman Awam ... ...	3(2), 4(1), 5, 6, 7, 12, 13(1)
Bab 128...	Lalu Lintas Jalan ... ... ...	14A, 15(1), 16, 17A
Ord. 6 tahun 1962	Pemeliharaan Keselamatan Awam ...	Kesemua Kesalahan dan Peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya
Bab 151...	Penerbitan Yang Tidak Diingini ...	4, 5
Bab 100...	Racun, Dadah Berbahaya... ...	Kesemua Kesalahan
Ord. 17 tahun 1956	Senjata Api dan Letupan... ...	5, 11, 12(4), 16, 16A, 22(5)

**BAHAGIAN III***Kesalahan Di Bawah Ordinan-Ordinan Persekutuan**(Ditinggalkan)\****BAHAGIAN IV***Kesalahan Di Bawah Akta-Akta Parlimen Yang  
Diperluas Ke Sabah*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
**Akta 89	Akta Insurans 1963	3, 17(1), 19(1), 20(6), 20(7), 39(1)
Akta 82	Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	Kesemuanya
Akta 575	Akta Pencegahan Rasuah 1997	Kesemuanya
P.W. (N.S.) 885	Perlembagaan Persekutuan tahun 1957	16 Jadual Kedua
Akta 165	Akta Membaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976	3, 4, 5, 6, 7 dan 12
Akta 150	Akta Pasport 1966	12(1)(a) hingga (k)
Akta 37	Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	3, 3A, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9
Ord. 22/1970	Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1970	2(1)
†Akta 79	Akta Buang Negeri 1959	14
Akta 372	Akta Bank Dan Institusi Kewangan 1989	4, 20, 25, 26, 27, 28, 45, 46, 49, 97, 105, 115 dan 119
†Akta 357	Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958	3, 4, 5, 6(1), 6A(1), 7(1), 8(1)
Akta 234	Akta Dadah Berbahaya 1952	Kesemuanya
Akta 283	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983	Kesemuanya

*\*CATATAN*—Butir-butir di bawah Bahagian ini telah dimasukkan ke Bahagian IV.*\*\*CATATAN*—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Insurans 1996 [Akta 553].*†CATATAN*—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian III.

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

19

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
†Akta 5...	Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954	3, 4, 5, 6(1), 11(1)(a), 11(1)(b)
Akta 155	Akta Imigresen 1959/63	... ... 56(1)(l)
†Akta 465	Akta Perkhidmatan Pos 1991	... 25, 26, 29-32 dan 37
†Akta 296	Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958	Kesemuanya
†Akta 15	Akta Hasutan 1948	... ... ... 4

B. KESALAHAN BOLEH DAFTAR  
DI SARAWAK

BAHAGIAN I

*Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan  
(Ordinan 1934—Bab 57)*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab VI, kesemuanya...	Terhadap Negara
Bab VII—Seksyen 131-136	Berhubungan dengan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara
Bab XII—Seksyen 232-241, 243-263...	Kesalahan yang berhubungan dengan Duit dan Setem Kerajaan
Bab XV—Seksyen 297A	Mengganggu tanah perkuburan atau mayat manusia
Bab XVI—Seksyen 302-308	Kesalahan mengenai Nyawa
Seksyen 312-318 ...	Menyebabkan keguguran, dsb.
Seksyen 363-373B	Penculikan dan Pemelarian
Seksyen 376, 376A, 377, 377A dan 377B...	Rogol dan Keluahan

†CATATAN—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian III.

*Bab dan Seksyen**Kesalahan*

## Bab XVII—

Seksyen 379-389 ...	...	...	...	...	Mencuri
Seksyen 392-402 ...	...	...	...	...	Rompak dan Rompak Berkumpulan
Seksyen 403-409 ...	...	...	...	...	Menyalahgunakan Harta dan Pecah Amanah Jenayah
Seksyen 411-424 ...	...	...	...	...	Harta Curi, Tipu dan Surat Ikatan Fraud
Seksyen 429-433, 435-440	...	...	...	...	Khianat
Seksyen 448, 449-462 ...	...	...	...	...	Pencerobohan Jenayah, dsb.

## Bab XVIII—

Seksyen 465, 466-469, 472-489 (A-D) ...	...	...	Pemalsuan, dsb.
---	-----	-----	-----------------

**BAHAGIAN II***Kesalahan Di Bawah Ordinan-Ordinan  
Dan Peraturan-Peraturan Sarawak*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
—	Akta Rahsia Kerajaan—1911	Kesemuanya
—	Akta Rahsia Kerajaan—1920	Kesemuanya
Ord. 16/1961...	Kesihatan Otak	17 dan 19
Ord. 14/1960...	Lalu Lintas Jalan	27, 28 dan 29
Bab 60 ...	Ordinan Cap Barang-Barang Perniagaan 1953	9, 11, 13 dan 15
Bab 27...	Ordinan Eksais 1961	45(b)
Bab 58...	Ordinan Kanun Tatacara Jenayah 1933	249
Ord. 8/1962 ...	Ordinan Ketenteraman Awam 1962	4, 5(2), 6 dan 7
Bab 137...	Ordinan Eletrik 1956	33(3)
Bab 92 ...	Ordinan Perkahwinan Gereja dan Sivil 1931	29, 30, 31, 33 dan 34
Bab 135...	Ordinan Senjata dan Letupan 1931	6(3), 8(2) dan 28
Bab 66 ...	Ordinan Syarikat Kerjasama 1949	48

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

21

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Ord. 13/1962...	Peraturan-Peraturan Pemeliharaan Keselamatan Awam (Per. 1963 yang dibuat di bawah Ord. 13/1962)	6, 6A, 7A, 9, 36 dan 39
Ord. 2/1960 ...	Perkapalan Saudagar	13, 190 dan 191

BAHAGIAN III

*Kesalahan Di Bawah Ordinan Persekutuan*

*(Ditinggalkan)\**

BAHAGIAN IV

*Kesalahan Di Bawah Perlembagaan  
Dan Akta-Akta Parlimen*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Akta 372 ...	Akta Bank Dan Institusi-Institusi Kewangan 1989	4, 20, 25, 26, 27, 28, 45, 46, 49, 97, 105, 115 dan 119
**Akta 89 ...	Akta Insurans 1963 ... ... ...	3, 17(1), 19(1), 20(6), 20(7), 39(1)
Akta 360 ...	Akta Kebankrapan 1967 ... ...	109, 112, 115(3)
Akta 82 ...	Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	Kesemuanya
Akta 575 ...	Akta Pencegahan Rasuah 1997 ...	Kesemuanya
P.W. (S.B.) 885	Perlembagaan Persekutuan tahun 1957	16 dalam Bahagian III Jadual Kedua
Akta 335 ...	Akta Pertubuhan 1966 ... ... ...	42-49 dan 52
Akta 165 ...	Akta Membaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976	3, 4, 5, 6, 7 dan 12
Akta 150 ...	Akta Pasport 1966... ... ... ...	12(1)(a) hingga (k)
Akta 37 ...	Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	3, 3A, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9

\*CATATAN—Butir-butir di bawah Bahagian ini telah dimasukkan ke Bahagian IV.

\*\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Insurans 1996 [Akta 553].

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Ord. 22/1970	Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) 2(1) Darurat 1970	
† Akta 79 ...	Akta Buang Negeri 1959 ... ... 14	
† Akta 357 ...	Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan 3, 4, 5, 6(1), 6A(1), 7(1), dan Senjata Berbahaya 1958 8(1)	
Akta 234 ...	Akta Dadah Berbahaya 1952 ... ... Kesemuanya	
Akta 283 ...	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Kesemuanya Pemulihan) 1983	
Akta 5... ...	Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 3, 4, 5, 6(1), 11(1)(a), 11(1)(b)	
† Akta 155 ...	Akta Imigresen 1959/63... ... 56(1)(l)	
† Akta 465 ...	Akta Perkhidmatan Pos 1991 ... ... 25, 26, 29-32 dan 37	
† Akta 296 ...	Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) Kesemuanya 1958	
Akta 15 ...	Akta Hasutan 1948 ... ... ... 4	

**C. KESALAHAN BOLEH DAFTAR  
DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**BAHAGIAN I**

*Kesalahan Di Bawah Kanun Kesejahteraan*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Bab VI, kesemuanya ... ... ... ...	Terhadap Negara
Seksyen 131-136 ... ... ... ...	Berhubungan dengan Tentera Darat, Tentera Laut dan Tentera Udara
Bab-XII, kesemuanya ... ... ... ...	Berhubungan dengan Duit dan Setem
Seksyen 302, 304-308 ... ... ... ...	Mengenai Nyawa
Seksyen 312-318 ... ... ... ...	Berhubungan dengan Kelahiran
Seksyen 363-373A ... ... ... ...	Penculikan, Pengabdian

†CATATAN—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian III.

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

23

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Seksyen 376-377A ... ... ... ...	Rogol, Kesalahan Luar Tabi'i, Melanggar Kesopanan
Seksyen 379-424 ... ... ... ...	Mencuri, Tipu, dsb.
Seksyen 429-433, 435-440 ... ... ...	Khianat
Seksyen 448-462 ... ... ... ...	Pencerobohan rumah, Pecah rumah, dsb.
Seksyen 465-477A ... ... ... ...	Pemalsuan
Seksyen 489A-489D ... ... ... ...	Berhubungan dengan Mata Wang Kertas dan Surat Janji Bayaran Bank
Bab V dan Seksyen 511 ... ... ... ...	Menyubahati dan Mencuba hendak melakukan mana-mana juga kesalahan di atas

BAHAGIAN II

*Kesalahan Di Bawah Ordinan-Ordinan Persekutuan  
Dan Kesatuan Tanah Melayu*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
P.T.M. 70 tahun 1952	Ordinan Perkapalan Saudagar 1952	56, 87, 106, 157, 177, 200(3), 220, 300, 406, 437
P.U. 87 tahun 1959	Peraturan-Peraturan Pencegahan Jenayah 1959	Per. 11(a), 11(b)
Akta 296 ...	Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958	Kesemuanya
Ord. Darurat No. 5 tahun 1969	Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969	4A(4), 13C(1)

BAHAGIAN III

*Kesalahan Di Bawah Enakmen Negeri Yang  
Telah Dipakai Di Seluruh Persekutuan*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Akta 377 ...	Akta Kediaman Terhad 1933	... ... 6, 7

**BAHAGIAN IV**

*Kesalahan Di Bawah Enakmen Negeri Yang Telah Dipakai  
Di Seluruh Semenanjung Malaysia Dan Di Bawah  
Ordinan Negeri Selat Yang Bersamaan*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Akta 593 ...	Kanun Tatacara Jenayah ... ...	67, 68, 69, 79, 297
N.S. Bab 21 ...	Kanun Tatacara Jenayah ... ...	14, 73 hingga 77 termasuk 89
N.M.B. Bab 43	Enakmen Manuver Tentera ... ...	7(2)
N.S. Bab 103 ...	Ordinan Manuver Tentera ... ...	16

**BAHAGIAN V**

*Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Negeri Dan  
Negeri Selat Yang Lain*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
N.M.B. Bab 149	Enakmen Pembeli-Pembeli Emas...	... 3, 3A
N.M.B. Bab 147	Enakmen Lombong ... ... ...	118A
Enakmen Kedah 5/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Johor 2/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Kelantan 2/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Negeri Sembilan 2/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Pahang 2/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Perak 1/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Perlis 1/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16
Enakmen Selangor 2/1952	Enakmen Kerakyatan 1952...	... ... 16

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

25

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Enakmen Terengganu 3/1952	Enakmen Kerakyatan 1952... ... ...	16
N.M.B. Bab 151	Enakmen Perlindungan Hasil Ladang ...	3, 4, 5
N.S. Bab 121	Ordinan Pendaftaran Surat Ikatan... ...	27, 28

Kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa di dalam mana-mana Negeri dan Negeri Selat yang bersamaan dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Bahagian ini bagi Jadual ini.

BAHAGIAN VI

*Kesalahan Di Bawah Perlembagaan Dan  
Akta Parliment*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Akta 206 ...	Akta Senjata 1960 ... ... ...	9, 10(1) & (2), 12(2), 14(1), 15(1), 21, 22(3), 23(1), 25(2), 30(1)(a), 30(2), 34(1) & (4) dan 40 jika berkenaan
Akta 360 ...	Akta Kebankrapan 1967... ... ...	109, 112, 115(3)
P.W. (S.B.) 885	Perlembagaan Persekutuan ... ...	16 Jadual Kedua tahun 1957
Akta 283 ...	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983	Kesemuanya
Akta 234 ...	Akta Dadah Berbahaya 1952 ... ...	Kesemuanya
*Akta 89 ...	Akta Insurans 1963 ... ... ...	3, 17(1), 19(1), 20(6), 20(7), 39(1)
Akta 82 ...	Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960	Kesemuanya
Akta 365 ...	Akta Penculikan 1961 ... ... ...	3(1), 4, 5(1), 5(2)
Akta 575 ...	Akta Pencegahan Rasuah 1997...	Kesemuanya
Akta 335 ...	Akta Pertubuhan 1966 ... ... ...	42 hingga 49 dan 52
Akta 165 ...	Akta Membaharui Undang-Undang (Penghapusan Samsu Gelap) 1976	3, 4, 5, 6, 7 dan 12

\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Insurans 1996 [Akta 553].

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Akta 150 ...	Akta Pasport 1966... ... ...	12(1)(a) hingga (k)
Akta 37 ...	Akta Senjata Api (Penalti Lebih Berat) 1971	3, 3A, 4, 5, 6, 7, 8 dan 9
Ord. 22/1970	Ordinan No. 22 (Kuasa-Kuasa Perlu Darurat 1970)	2(1)
Akta 468 ...	Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991	33 dan 34
† Akta 191 ...	Akta Melarikan Orang dan Menakutkan Saksi Secara Jenayah 1947	3, 4, 5, 6
*Akta 8 ...	Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969	36 dan 86
† Akta 336 ...	Akta Kesalahan Kecil 1955	28(i), 28(j), 28(k), 29
† Akta 88 ...	Akta Rahsia Rasmi 1972	3, 5, 6, 8, 9, 10, 11 dan 12 jika berkenaan
† Akta 297 ...	Akta Pencegahan Jenayah 1959	15(4), 16(2), 18
† Akta 106 ...	Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973	Kesemuanya
† Akta 79 ...	Akta Buang Negeri 1959...	14
Akta 372 ...	Akta Bank Dan Institusi-Institusi Kewangan 1989	4, 20, 25, 26, 27, 28, 45, 46, 49, 97, 105, 115 dan 119
† Akta 357 ...	Akta Bahan-Bahan Kakisan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958	3, 4, 5, 6(1), 6A(1), 7(1), 8(1)
† Akta 5 ...	Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ...	3, 4, 5, 6(1), 11(1)(a), 11(1)(b)
† Akta 155 ...	Akta Imigresen 1959/63...	56(1)(l)
† Akta 465 ...	Akta Perkhidmatan Pos 1991...	25, 26 dan 29-32
† Akta 15 ...	Akta Hasutan 1948	4
† Akta 463 ...	Akta Kereta Api 1991	66, 67, 69
**P.T.M. 61 tahun 1950	Ordinan Pemegang Amanah Raya 1950	22(10)

\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] dan dahulunya dalam Bahagian II.

\*\*CATATAN—Ordinan ini telah disemak dan kemudiannya dimansuhkan oleh Akta Perbadanan Amanah Raya 1995 [Akta 532] dan tiada seksyen yang bersamaan dengan subseksyen 22(10) dalam Akta ini.

†CATATAN—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian II.

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

27

JADUAL KEDUA

[Seksyen 2 dan 12]

**A. KESALAHAN BOLEH DAFTAR DI SABAH YANG  
BERKENAAN DENGANNYA PENDAFTARAN BOLEH  
DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12**

BAHAGIAN I

*Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Seksyen 144, 145, 147, 148, 150, 152, 158 ... ...	Perhimpunan yang Menyalahi Undang-Undang, dsb.
Seksyen 160A, 161, 162, 163, 164, 165, 166, 167, 168, 170, 171, 177, 178, 181, 186, 189	Berhubungan dengan Pekhidmat Awam
Seksyen 193-201, 203-216A, 217-222, 224, 225, 225A, 227	Keterangan Palsu dan terhadap Keadilan Awam
Seksyen 270, 272-276, 276A, 280, 281, 282 ... ...	Terhadap Kesihatan dan Keselamatan Awam
Seksyen 298A ... ... ... ... ... ...	Berhubungan dengan Agama
Seksyen 309, 317A(1), 317A(5), 323, 324-333, 335, 338, 342-348, 353-356	Mengenai Tubuh Manusia
Seksyen 427-428 ... ... ... ... ... ...	Terhadap Harta
Seksyen 493-498 ... ... ... ... ... ...	Berhubungan dengan Perkahwinan
Seksyen 500-502 ... ... ... ... ... ...	Fitnah
Seksyen 504-507 ... ... ... ... ... ...	Ugutan Jenayah

BAHAGIAN II

*Kesalahan Di Bawah Ordinan Sabah*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Bab 77 ...	Cap Barang-Barang Perniagaan	8, 12-15, 37
Ord. 18 tahun Eksais... ... ... ... ...	1959	35, 36(1), 38, 39

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Bab 73 ...	Hasil Arak ... ... ... ...	35, 36
Bab 129 ...	Insurans Pihak Ketiga Lalu Lintas Jalan	18
Bab 50 ...	Judi ... ... ... ...	5, 6, 10
Bab 159 ...	Keselamatan Perempuan dan Kanak-kanak Perempuan	3(1), 4(1), 6(1), 7
Bab 94 ...	Pajak Gadai... ... ... ...	Kesemua kesalahan
Bab 66 ...	Penjual Barang Kemas ... ... ...	9
Bab 112 ...	Pungutan Awam ... ... ...	3(2)

**BAHAGIAN III***Kesalahan Di Bawah Ordinan Persekutuan**(Ditinggalkan)\****BAHAGIAN IV***Kesalahan Di Bawah Akta Parlimen Yang Diperluas Ke Sabah*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Akta 235 ...	Akta Kastam 1967 ... ... ...	135, 137
†Akta 155 ...	Akta Imigresen 1959/63 ... ...	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56(1)(i)
†Akta 15 ...	Akta Hasutan 1948 ... ... ...	9, 10
**Akta 20 ...	Akta Telekomunikasi 1950 ... ...	25, 26, 27, 29, 30

*\*CATATAN*—Butir-butir di bawah Bahagian ini telah dimasukkan ke Bahagian IV.*\*\*CATATAN*—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan dahulunya dalam Bahagian III.*†CATATAN*—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian III.

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

29

**B. KESALAHAN BOLEH DAFTAR DI SARAWAK  
YANG BERKENAAN DENGANNYA PENDAFTARAN BOLEH  
DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12**

BAHAGIAN I

*Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan (Ordinan: 1934—Bab 57)*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
<b>Bab VIII—</b>	
Seksyen 141-158 ... ... ... ... ...	Terhadap Ketenteraman Awam
Seksyen 161-165 ... ... ... ... ...	Suapan Menyalahi Undang-Undang
Bab IX—Seksyen 167, 170, 177, 181 dan 189 ... ...	Kesalahan yang berhubungan dengan Pekhidmat Awam
Bab XI—Seksyen 193-201, 203-229, 270, 281, 295 ...	Keterangan Palsu dan Kesalahan terhadap Keadilan Awam
Seksyen 298A... ... ... ... ...	Berhubungan dengan Agama
<b>Bab XVI—</b>	
Seksyen 324-333, 335-338... ... ... ...	Kesalahan mengenai Tubuh Manusia
Seksyen 343-348 ... ... ... ...	Pengurungan Salah
Seksyen 353-356 ... ... ... ...	Kekerasan Jenayah
Bab XVII—Seksyen 427 dan 428... ... ...	Khianat
Bab XVIII—Seksyen 493-496 ... ... ...	Kesalahan yang berhubungan dengan Perkahwinan
Bab XX—Seksyen 498 ... ... ... ...	Memujuk lari seseorang perempuan yang bersuami
Bab XXII—Seksyen 504-507 ... ... ... ...	Ugutan Jenayah, Pengaiban dan Penggusaran

**BAHAGIAN II***Kesalahan Di Bawah Peraturan-Peraturan Dan  
Ordinan-Ordinan Sarawak*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Ord. 14/1962	Cetak Mencetak ... ... ...	4, 8 dan 10
Ord. 3/1959	Keselamatan Orang Muda dan Kanak-Kanak	7
Ord. 16/1961	Kesihatan Otak ... ... ...	18 dan 20
Bab 20 ...	Ordinan Hasutan 1938 ... ...	8(1)(a) dan 8(2)
Bab 60 ...	Ordinan Cap Barang-Barang Perniagaan 1953	7, 8, 12, 16 dan 17
Bab 27 ...	Ordinan Eksais 1951 ... ...	41 dan 42
Bab 126 ...	Ordinan Hutan 1954 ... ...	81, 83, 84, 85, 86 dan 87
Bab 138 ...	Ordinan Judi 1957 ... ...	4, 5 dan 8
Bab 137 ...	Ordinan Eletrik 1956 ... ...	33(4) dan 33(5)
Bab 22 ...	Ordinan Mata-Mata 1955 ... ...	81
Bab 10 ...	Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Mati 1951	27
Bab 121 ...	Ordinan Racun 1956 ... ...	16(1)
Bab 135 ...	Ordinan Senjata dan Letupan 1931 ...	19, 21(2), 29, 30A dan 31
Bab 52 ...	Ordinan Surat Akuan 1950 ... ...	4
Bab 139 ...	Ordinan Surat Khabar Tempatan 1958	7
Ord. 2/1960 ...	Perkapalan Saudagar ... ...	28, 38, 81, 101, 142, 197 dan 261(2)

**BAHAGIAN III***Kesalahan Di Bawah Ordinan-Ordinan Persekutuan**(Ditinggalkan)\**

---

*\*CATATAN—Butir-butir di bawah Bahagian ini telah dimasukkan dalam Bahagian IV.*

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

31

BAHAGIAN IV

*Kesalahan Di Bawah Akta-Akta Parliment*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
*Akta 20 ...	Akta Telekomunikasi 1950 ... ...	25, 26, 27, 29, 30
† Akta 155 ...	Akta Imigresen 1959/63 ... ...	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56(1)(i)
Akta 235 ...	Akta Kastam 1967 ... ... ...	135 dan 137

**C. KESALAHAN BOLEH DAFTAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA  
YANG BERKENAN DENGANNYA PENDAFTARAN BOLEH  
DIKECUALIKAN DI BAWAH SEKSYEN 12**

BAHAGIAN I

*Kesalahan Di Bawah Kanun Keseksaan*

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Seksyen 144-150, 152-158 ... ... ... ...	Perhimpunan yang Menyalahi Undang-Undang, Rusuhan, dsb.
Seksyen 161, 165, 170 ... ... ... ...	Berkenaan dengan Penjawat Awam
Seksyen 177, 181, 186, 189 ... ... ... ...	Maklumat Palsu, dsb.
Seksyen 193-201... ... ... ...	Keterangan Palsu
Seksyen 203-222... ... ... ...	Melindungi Pesalah, dsb.
Seksyen 224, 225, 225A, 227, 229 ... ...	Lari, dsb.
Seksyen 270, 281, 295 ... ... ...	Keselamatan Awam, Agama
Seksyen 298A ... ... ... ...	Berkaitan dengan Agama
Seksyen 324-333, 335-338 ... ... ...	Menyebabkan cedera
Seksyen 343-348 ... ... ... ...	Pengurungan Salah
Seksyen 353-356 ... ... ... ...	Kekerasan Jenayah
Seksyen 427, 428 ... ... ... ...	Khianat

\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan dahulunya dalam Bahagian III.

†CATATAN—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian III.

<i>Bab dan Seksyen</i>	<i>Kesalahan</i>
Seksyen 493-496, 498 ... ... ... ...	Berkenaan dengan Perkahwinan
Seksyen 504-507 ... ... ... ...	Ugutan Jenayah
Bab V dan Seksyen 511 ... ... ... ...	Menyubahati dan Mencuba melakukan mana-mana jua kesalahan di atas

**BAHAGIAN II***Kesalahan Di Bawah Ordinan-Ordinan Persekutuan  
Dan Kesatuan Tanah Melayu*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
Akta 495 ... Akta Pertaruhan ... ... ...	4, 5, 6(3)	
*P.T.M. 10 tahun Ordinan Cap Barang Perniagaan 1950 1950	7, 8, 9, 11, 12, 13, 15, 18, 19 dan 20	
P.T.M. 70 tahun Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 1952	26, 57, 60, 93(1), 183(f), 384, 387, 388	
**P.T.M. 53 tahun 1952 Ordinan Pendaftaran Perkahwinan 1952	14(1)(a)	

**BAHAGIAN III***Kesalahan Di Bawah Undang-Undang Negeri Yang Lain*

<i>No.</i>	<i>Tajuk Ringkas</i>	<i>Seksyen</i>
N.M.B. Bab 153 ... Enakmen Hutan ... ... ...	31, 32	

Kesalahan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang yang pada masa itu berkuat kuasa di dalam mana-mana Negeri yang bersamaan dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang dinyatakan dalam Bahagian ini bagi Jadual ini.

---

\*CATATAN—Ordinan ini telah dimansuhkan oleh Akta Perihal Dagangan 1972 [Akta 87].

\*\*CATATAN—Ordinan ini telah dimansuhkan oleh Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164].

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

33

BAHAGIAN IV

*Kesalahan Di Bawah Akta-Akta Parlimen*

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
Akta 235 ...	Akta Kastam 1967 ... ... ...	135, 137
†Akta 289 ...	Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953	4, 5, 8
†Akta 234 ...	Akta Dadah Berbahaya 1952 ...	Kesemuanya
Akta 176 ...	Akta Eksais 1976... ... ...	21(1) & (2), 74(1), 77, 78(1) & (2) dan 80 jika berkenaan
†Akta 207 ...	Akta Bahan Letupan 1957... ...	Kesemuanya dan mana- mananya kaedah dan peraturan yang dibuat atau disifatkan dibuat di bawahnya
†Akta 200 ...	Akta Pungutan Rumah ke Rumah dan di Jalan 1947	3(2) & (3), 6, 7, 8
†Akta 155 ...	Akta Imigresen 1959/63 ... ...	5, 6, 8, 9, 15, 36, 43, 56(1)(i)
†Akta 288 ...	Akta Loteri 1952... ... ...	9, 10
*Akta 8 ...	Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji 1969	36, 86
†L.N. 151 tahun 1960	Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1960	Per. 24(1)(a), (d), (e), (i), (j) dan (l)
†Akta 368 ...	Akta Jualan Dadah 1952 ... ...	11
†Akta 15 ...	Akta Hasutan 1948 ... ... ...	9, 10
Akta 335 ...	Akta Pertubuhan 1966 ... ...	42-49, 52
**Akta 20 ...	Akta Telekomunikasi 1950 ...	25, 26, 27, 29, 30

---

\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] dan dahulunya dalam Bahagian II.

\*\*CATATAN—Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan dahulunya dalam Bahagian II.

†CATATAN—Butir-butir ini dahulunya dalam Bahagian II.

## JADUAL KETIGA

[Seksyen 16]

## BAHAGIAN I

*Pemansuhan*

<i>Nombor</i>	<i>Tajuk</i>
18/1948 ...	Ordinan Pendaftaran Penjenayah (Negeri-Negeri Tanah Melayu)
18/1956 ...	Ordinan Cap Jari (Sabah)
14/1958 ...	Ordinan Cap Jari (Sarawak)

## BAHAGIAN II

*Pindaan*

<i>Nombor</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Pindaan</i>
4/1959 ...	Kanun Tatacara Jenayah (Sabah)	<p>1. Dalam perenggan (c) subseksyen (3) seksyen 245, bagi perkataan “Ordinan Cap Jari” hendaklah digantikan dengan perkataan “Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969”.</p> <p>2. Dalam nota birai kepada perenggan (c) subseksyen (3) seksyen 245, rujukan mengenai “Ord. No. 18 tahun 1956.” hendaklah dipotong.</p>
Bab 58 ...	Kanun Tatacara Jenayah (Sarawak)	Selepas perenggan (b) subseksyen (3) seksyen 245, hendaklah dimasukkan perenggan baru yang berikut “(c) Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969.”.

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

35

<i>Nombor</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Pindaan</i>
12/1959 ...	Ordinan Imigresen (sebagaimana yang diperluas untuk dipakai di seluruh Malaysia)	<p>(a) Bagi perkataan “Ordinan Pendaftaran Penjenayah 1948” yang terdapat dalam seksyen 52, hendaklah digantikan dengan perkataan “Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969.”.</p> <p>(b) Selepas perkataan, “dipecat daripada Persekutuan” yang terdapat dalam seksyen 52, hendaklah dimasukkan perkataan “dan disabitkan atas suatu kesalahan boleh daftar”.</p>
13/1959 ...	Ordinan Pencegahan Jenayah	Bagi perkataan “di bawah seksyen 3 Ordinan Pendaftaran Penjenayah 1948” yang terdapat dalam takrif “Pendaftar” hendaklah digantikan dengan perkataan “di bawah seksyen 3 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969.”.
18/1960 ...	Akta Keselamatan Dalam Negeri	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagi perkataan “Ordinan Pendaftaran Penjenayah 1948” dan “Ordinan itu” yang terdapat dalam subsekyen (1) seksyen 78, hendaklah masing-masing digantikan dengan perkataan “Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969” dan “Akta itu”.</li> <li>2. Bagi perkataan “Ordinan Pendaftaran Penjenayah 1948,” dan “Ordinan itu” yang terdapat dalam subsekyen (2) seksyen 78, hendaklah masing-masing digantikan dengan perkataan “Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini 1969” dan “Akta itu”.</li> <li>3. Nota kaki ‡ kepada subseksyen (2) seksyen 78 hendaklah dipotong.</li> </ol>

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 7****AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN  
ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(B)180/1969	Pembetulan	25-07-1969
P.U.(A)216/1972	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Kesalahan-Kesalahan Boleh Didaftar) (Pindaan) 1972	27-02-1970
P.U.(A)249/1976	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1976	16-04-1976
P.U.(A)250/1976	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) (No. 2) 1976	01-10-1976
P.U.(A)57/1977	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1977	01-01-1977
P.U.(A)58/1977	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) (No. 2) 1977	03-09-1976
P.U.(A)89/1983	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1983	25-03-1983
P.U.(A)264/1984	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1984	27-07-1984
P.U.(A)455/1985	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan) 1985	11-10-1985

*Pendaftaran Penjenayah dan Orang  
Yang Tidak Diingini*

37

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
P.U.(A)165/1993	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan Jadual) 1993	02-07-1993
P.U.(A)19/1998	Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang Yang Tidak Diingini (Pindaan Jadual) 1998	08-01-1998

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 7****AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN  
ORANG YANG TIDAK DIINGINI 1969****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Pertama	P.U.(A)216/1972	27-02-1970
	P.U.(A)249/1976	16-04-1976
	P.U.(A)250/1976	01-01-1976
	P.U.(A)58/1977	03-09-1976
	P.U.(A)57/1977	01-01-1977
	P.U.(A)89/1983	25-03-1983
	P.U.(A)455/1985	11-10-1985
	P.U.(A)165/1993	02-07-1993
	P.U.(A)19/1998	09-01-1998
Jadual Kedua	P.U.(A)264/1984	27-07-1984
	P.U.(A)455/1985	11-10-1985
Jadual Ketiga	P.U.(B)180/1969	25-07-1969